

Barat tidak wajar bincang hak asasi: PM

BH 25 OCT 1993
Daripada Sharom Suboh  *overman tips.*

LONDON, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Barat berhenti bercakap mengenai hak asasi manusia kerana negara-negara berkenaan tidak lagi mempunyai kewibawaan.

Perdana Menteri juga mahu negara-negara Barat berhenti mengenakan peraturan atau nilai tertentu terhadap orang lain, kerana mereka sendiri bersikap talam dua muka.

Ketika diwawancara oleh David Frost, dalam rancangan *Breakfast With Frost* mengenai isu Bosnia-Herzegovina, yang disiarkan secara langsung dari Cyprus menerusi Perbadanan Penyiaran Britain (BBC1) pagi ini, Dr Mahathir menegaskan: "Barat sudah hilang kewibawaan".

Dr Mahathir kini menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Cyprus. Turut ditemubual ialah Perdana Menteri Britain, John Major, Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe dan Pengerusi Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), Thabo Mbeki.

Menurut Dr Mahathir, Barat terlalu menumpukan perhatian kepada Iraq apabila negara itu hanya menggunakan radarnya. Mereka terus bersedia menembak Iraq sedangkan dalam kes Bosnia, tiada sebarang tindakan dilakukan.

"Pada saya, ia sifat talam dua muka. Jika tidak ada apa-apa dilakukan, saya fikir Barat harus berhenti bercakap mengenai hak asasi manusia dan mengenakan peraturan dan nilai terhadap orang lain kerana mereka sendiri sudah kehilangan kewibawaan," katanya.

Dr Mahathir mempersoalkan bagaimana Barat bercakap mengenai hak asasi manusia sedangkan mereka sendiri membenarkan perkara yang tidak sepatutnya berlaku di depan mata mereka.

Ketika ditanya oleh Frost apa yang beliau mahu Eropah, khususnya Britain lakukan terhadap masalah di Bosnia-Herzegovina, Dr Mahathir berkata:

"Seperti di tempat lain, masuk dan kalahkan penyerang, melawan penyerang. Anda mempunyai kuasa untuk melaksanakannya.

"Tidak kisah sama ada serangan udara atau tindakan ketenteraan, asal ada campur tangan tentera.

"Dan di sini anda lihat bukti manusia dirogol, dibunuh, disembelih dan ditembak. Pada saya ia adalah *double standard*," tegasnya.

Perdana Menteri Britain, John Major, yang ditanya oleh Frost mengenai reaksinya terhadap kenyataan Dr Mahathir itu menjelaskan, penarikan balik sekatan senjata di Bosnia-Herzegovina tidak akan menyelesaikan pertumpahan darah, sebaliknya akan menjejaskan operasi bantuan kemanusiaan anjuran Pertubuhan Bangsa-

'Pengganas' perlu ditewaskan: PM

DARI MUKA 1

21 JULAI 1993

Bangsa Bersatu (PBB) sekarang.

Katanya, beratus-ratus ribu nyawa dapat diselamatkan dalam tempoh beberapa tahun lalu dan beliau mengambil berat mengenai jumlah nyawa yang terkorban sekiranya operasi kemanusiaan dihentikan.

Major menegaskan, penyelesaian yang dapat dibuat hanyalah melalui kesabaran dan perbincangan berterusan yang Britain mengambil bahagian sekarang.

Beliau juga menyatakan kurang yakin mengenai keberkesanan penghantaran tentera di bawah panji-panji PBB dan ia akan menimbulkan tanda tanya selama mana mereka perlu di sana.

Major berkata, tentera PBB berada di Cyprus selama 29 tahun dan ia tidak mudah untuk mencari penyelesaian terhadap konflik yang berlaku di negara itu.

Berikut ialah sedutan temubual di antara BBC, Dr Mahathir dan Major.

Soalan: Apakah langkah yang perlu diambil oleh Britain dan Eropah?

Dr M: Lakukan seperti yang sudah dilakukan di tempat lain; masuk ke tempat berkenaan dan menewaskan 'pengganas'. Kamu mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

Ia boleh dilakukan melalui serangan udara atau menerusi darat asalkan ia memasuki kawasan berkenaan.

Soalan: Mengapa sehingga sekarang masih belum ada kemajuan?

Dr M: Saya tidak faham. Barat sentiasa bersuara lantang mengenai isu hak

asasi manusia, mengenai hak untuk campur tangan dalam negara lain sekiranya ada bukti hak asasi manusia dicemari.

Dan, apa yang berlaku sekarang ialah anda melihat orang ramai dirogol, dibunuh, disembelih, ditembak dan tiada siapa yang peduli.

Pada pandangan saya, ia jelas menunjukkan *double-standard*.

Mereka terlalu sibuk dengan Iraq sehingga sanggup menembak mereka walaupun Iraq hanya menggunakan radar mereka, sedangkan mereka tidak berbuat apa-apa dalam kes Bosnia.

Sekiranya satu langkah pun tidak dilaksanakan, saya berpendapat negara Barat wajar berhenti bercakap soal isu hak asasi manusia dan cuba menegakan peraturan dan nilai tertentu ke atas pihak lain kerana mereka sudah hilang kewibawaan.

Bagaimanakah mereka hendak memperjuangkan isu hak asasi manusia sekiranya mereka membiarkan perkara ini berlaku di depan mata mereka.

John Major: Tragedi Bosnia. Apa yang berlaku di Bosnia ialah satu perang saudara tiga segi yang sudah wujud sejak Zaman Pertengahan dan tidak sama dengan apa yang berlaku di Iraq.

Cuma dua jalan untuk mengatasinya. Satu ialah menerusi perbincangan dan satu lagi ialah menerusi *exhaustion*.

Saya tidak percaya seseorang itu boleh memasuki kawasan berkenaan dan menahan dua pihak daripada bertempur serta menghentikan peperangan begitu saja.

Berapa lama tentera akan berada di Bosnia. Ia bukan satu penyelesaian mudah.

Satu-satu cara untuk mengatasinya ialah menerusi kesabaran, meneruskan proses perbincangan yang sudah lama dilaksanakan.

Adakah langkah menghantar senjata ke negara itu boleh menghentikan pertempuran dan pembunuhan berkenaan? Menghantar senjata ke Bosnia hanya akan menambah jumlah kematian dan tidak akan menghentikan pembunuhan.

Isu keduanya ialah apakah yang akan berlaku terhadap usaha kemanusiaan PBB sekiranya kita menghantar lebih banyak senjata ke kawasan itu dan meningkatkan persengketaan? Kita tahu apa yang akan berlaku.

Operasi kemanusiaan PBB akan dihentikan. Saya tak pasti berapa ratus ribu penduduk negara berkenaan akan terjejas akibat tindakan itu.

Apakah pula, kesannya kepada penduduk negara itu dalam tempoh beberapa bulan akan datang ini sekiranya operasi PBB berkenaan dihentikan? Itu adalah pandangan PBB dan bukan pandangan saya sendiri.

Saya percaya bahawa dasar yang kita gunakan di Bosnia sekarang adalah dasar yang tepat.

Saya tahu ia adalah kontroversi. Kita sudah melakukan banyak jasa di Bosnia berbanding negara besar lain.

Saya hanya perlu melihat keputusan di Bosnia dan di luarnya.